

Headline	SESB ganti tiang elektrik baharu rosak di Luyang		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	25 Oct 2013	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	22,425
Page No	10	Readership	134,550
Language	Malay	ArticleSize	86 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 171
Frequency	Daily	PR Value	RM 513



# SESB ganti tiang elektrik baharu rosak di Luyang

KOTA KINABALU: Kerja menggantikan dua tiang elektrik voltan rendah yang dilaporkan mengalami kerosakan di Taman Southern, Luyang siap diganti pada Isnin, hari yang sama aduan diterima.

Pengurus Besar Kanan (Pengurusan Aset) Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) Ahmad Fuad Md Kasim berkata penutupan sementara bekalan elektrik di kawasan berkenaan dibuat bagi membolehkan kerja penggantian dilakukan dalam keadaan selamat.

“SESB amat menghargai maklum balas pengguna berkenaan keadaan tiang elektrik di Taman Southern, Luyang,” katanya.

Kenyataan aduan mengenai masalah ini telahpun disiarkan di sebuah akhbar tempatan baru-baru ini, katanya dalam kenyataan di sini kelmarin.

Beliau berkata bagi memastikan semua aduan pengguna direkodkan, pihak SESB menyediakan talian Bebas Tol 1-800-88-1135 khusus bagi menangani aduan yang tidak melibatkan gangguan elektrik seperti masalah tiang dan bil elektrik.

Menurutnya, para pengguna juga digalakkan menghubungi talian Hotline 15454 dan 088-515000 yang dipantau 24 jam sehari sekiranya kawasan mereka terputus bekalan elektrik.

“Semua aduan yang dilaporkan melalui saluran ini akan diambil tindakan segera,” katanya. - Bernama